

**KENYATAAN TAWARAN SEBUT HARGA PELUPUSAN ASET ALIH  
JUALAN SISA DAN E-WASTE  
MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**

**No. Sebut harga :**

1. Tawaran adalah dipelawa dari syarikat yang berminat untuk membeli aset seperti berikut:

Bil.	Keterangan aset	Kuantiti	Lokasi	Harga Simpanan
1.	Peralatan Pejabat: Kabinet berlaci Pemadam api Telefon talian Mesin laminating Mesin perincih Mesin penebuk lubang Komputer (desktop) Pencetak (printer) Mesin pengira wang Mesin taip elektronik Khemah Lampu hiasan pokok kelapa	37 86 36 1 1 1 6 3 2 1 1 2	Dewan Kompleks Sukan, MPKL	5% daripada harga tawaran atau RM5,000 mengikut mana yang terendah
	Cordless sabre saw Jentera pemadat Welding machine High cutter Mesin penyembur kabut	1 1 3 1 5	Stor Telok Datok, MPKL	


2. Aset boleh dilihat pada 5 Ogos 2024 hingga 12 Ogos 2024 diantara jam 9.00 pagi hingga 4.00 petang di **Dewan Kompleks Sukan dan Stor Telok Datok, Majlis Perbandaran Kuala Langat.** (Lokasi scan di Lampiran A)
3. Tawaran sebut harga boleh dibuat dengan menggunakan Borang Sebut Harga Pelupusan Aset Alih Kerajaan (KEW.PA-28) yang boleh dimuat turun secara percuma di Portal MPKL melalui laman web [www.mpk.gov.my](http://www.mpk.gov.my). Tawaran adalah sah bagi tempoh 90 hari.

4. Semua tawaran dengan maklumat yang lengkap hendaklah menggunakan sampul surat berlakri dan di tanda no sebut harga MPKL/UPUB/SH:02/2024 dan dihantar melalui pos atau dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga di alamat:

**UNIT PEROLEHAN & UKUR BAHAN**

Majlis Perbandaran Kuala Langat Tingkat 1,  
Persiaran Majlis, Jalan Sultan Alam Shah,  
42700 Banting,  
Selangor Darul Ehsan.

5. Tarikh tutup sebut harga pada 12 Ogos 2024 jam 12.00 tengah hari. Sebut harga yang diterima lewat tidak akan dipertimbangkan.



---

Muhammad Faiz bin Jambri  
Ketua Unit  
Unit Perolehan dan Ukur Bahan  
Majlis Perbandaran Kuala Langat

Tarikh: 30/7/2024 .....

**SYARAT DAN PERATURAN SEBUT HARGA**

1. Aset pelupusan secara jualan sisa dan e-waste hanya boleh ditawarkan kepada **Syarikat Tempatan sahaja** dan tidak boleh ditawarkan kepada orang perseorangan.
2. Penyebut harga dikehendaki menyertakan deposit sebut harga sebanyak 5% daripada harga tawaran bagi setiap aset atau RM5,000 mengikut mana yang terendah. Deposit sebut harga hendaklah dalam bentuk Draf Bank sahaja atas nama **MAJLIS PERBANDARAN KUALA LANGAT**.
3. Tawaran tanpa deposit akan mengakibatkan sebut harga tidak akan dipertimbangkan.
4. Harga simpanan bagi jualan sisa adalah dikecualikan. Pemilihan syarikat adalah berdasarkan tawaran yang tertinggi.
5. Semua aset adalah dijual sebagaimana keadaannya semasa dilihat (as-is-where-is basis).
6. Jabatan ini tidak bertanggungjawab ke atas aset yang telah dijual.
7. Semua perbelanjaan berkaitan pembelian aset seperti kos menanggal (dismantle), mengangkut dan sebagainya hendaklah ditanggung sendiri oleh pembeli.
8. Penyebut harga adalah **DIGALAKKAN** untuk memilih atau mengambil keseluruhan aset alih.
9. Penyebut harga mestilah Syarikat Tempatan yang berdaftar seperti berikut:
  - a) Kementerian Kewangan dalam Bidang Membeli Barang Lulus Perlu Permit dan tanpa permit;
  - b) Lesen Premis Pemerolehan Kembali e-waste (kod lesen SW110) oleh Jabatan Alam Sekitar
  - c) Permit Polis
  - d) Sijil Pendaftaran Syarikat (SSM)
10. Pembeli yang berjaya hendaklah membuat pembayaran penuh dalam tempoh satu (1) minggu dari tarikh keputusan diketahui. Jika bayaran tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, deposit sebut harga tidak akan dikembalikan.
11. Pembeli yang berjaya hendaklah mengambil aset dalam tempoh 7 hari selepas bayaran penuh dijelaskan. Jika gagal, bayaran yang telah dibuat tidak akan dikembalikan dan Jabatan berhak untuk melupuskan aset tersebut.

Nota: Syarat-syarat sebut harga boleh dipinda mengikut keperluan Kementerian/Jabatan.

LAMPIRAN A

Dewan Kompleks Sukan, Majlis Perbandaran Kuala Langat



Stor Telok Datok, Majlis Perbandaran Kuala Langat

